

THROATSIL LOZENGES (MENTHOL FLAVOUR)

2,4-Dichlorobenzyl Alcohol 1.2 mg;
Amylmetacresol 0.6 mg

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan THROATSIL LOZENGES?
2. Bagaimana THROATSIL LOZENGES berfungsi?
3. Sebelum menggunakan THROATSIL LOZENGES
4. Cara menggunakan THROATSIL LOZENGES
5. Semasa menggunakan THROATSIL LOZENGES
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan THROATSIL LOZENGES
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan THROATSIL LOZENGES

THROATSIL LOZENGES mengandungi 2,4-Dichlorobenzyl Alcohol dan Amylmetacresol untuk kegunaan melegakan jangkitan mulut dan kerongkong bagi orang dewasa dan kanak-kanak. Bahan-bahan ini adalah antiseptik yang membunuh bakteria berkaitan dengan jangkitan mulut dan kerongkong. Tindakan menghisap *lozenge* membolehkan bahan aktifnya bertindak di bahagian ketidakselesaian dan melegakan bahagian yang sakit.

Bagaimana THROATSIL LOZENGES berfungsi?

THROATSIL LOZENGES membantu melegakan kesakitan dan ketidakselesaian akibat jangkitan mulut dan kerongkong. Ia mengandungi bahan-bahan antiseptik, iaitu 2,4-Dichlorobenzyl Alcohol dan Amylmetacresol yang membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan mulut dan kerongkong. Ia boleh didapati dalam bentuk *lozenge* yang larut perlahan-lahan dalam mulut apabila dihisap.

Sebelum menggunakan THROATSIL LOZENGES

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil produk ini sekiranya anda alah (hipersensitif) dengan 2,4-Dichlorobenzyl Alcohol dan Amylmetacresol, atau sebarang bahan tidak aktif yang lain.

Mengandung dan penyusuan ibu

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat sebelum mengambil THROATSIL LOZENGES.

- Sebelum menggunakannya

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda:

- mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubatan lain termasuk ubatan yang didapati tanpa preskripsi.
- Pernah mengalami atau sedang mengalami sebarang masalah kerongkong yang lain.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doctor dan ahli farmasi anda jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya, atau kedai produk kesihatan.

Cara menggunakan THROATSIL LOZENGES

- Berapa banyak harus digunakan

Letakkan *lozenges* ke dalam mulut dan biarkan ianya larut dengan perlahan-lahan. Larutkan 1 – 3 biji *lozenges* dengan perlahan-lahan di dalam mulut dengan dose berasing dalam satu hari. Diingatkan bahawa kanak-kanak kecil mungkin tercekik akibat *lozenge* ini.

- Bila perlu digunakan

Ambil THROATSIL LOZENGES apabila perlu atau mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini sekiranya perlu atau mengikut cadangan doctor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil THROATSIL LOZENGES dengan segera atau mendapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakannya.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda mengambil THROATSIL LOZENGES lebih daripada yang sepatutnya. Anda mungkin mengalami ketidakselesaian perut (*gastrointestinal*).

Jangan ambil lagi THROATSIL LOZENGES dan mendapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika terambil dos berlebihan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera walaupun tiada sebarang kesan ketidakselesaian atau keracunan.

Semasa menggunakan THROATSIL LOZENGES

- Perkara yang perlu dilakukan Ambil ubat anda mengikut arahan doctor.

THROATSIL LOZENGES (MENTHOL FLAVOUR)

2,4-Dichlorobenzyl Alcohol 1.2 mg;
Amylmetacresol 0.6 mg

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan THROATSIL LOZENGES.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mendapati hamil semasa menggunakan THROATSIL LOZENGES.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti menggunakan ubat kecuali dengan nasihat doctor dan ahli farmasi anda.

Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa mendapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberikan THROATSIL LOZENGES kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, THROATSIL LOZENGES mungkin boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicines Problems / Side Effects / AEFI*).

Cara penyimpanan dan pelupusan THROATSIL LOZENGES

-Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak.
Simpan dibawah suhu 30°C.

-Pelupusan

THROATSIL LOZENGES tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk doctor atau ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Lozenge bulat dan biconvex berwarna biru. Tanpa tanda di kedua-dua permukaan lozenge.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
2,4-Dichlorobenzyl Alcohol
1.2 mg;
Amylmetacresol 0.6 mg

- Bahan tidak aktif
Sucrose, Liquid Glucose, Brilliant Blue FCF (CI. No.42090), Menthol, Eucalyptus Oil, Citric Acid.

Nombor Pendaftaran
MAL*****

Pengilang:

Millimed Co., Ltd.
193 Moo 1, Suksawad Road,
Pak Khlong Bang Plakot,
Phra Samut Chedi,
Samut Prakan 10290, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HNB Alliance SDN. BHD.
No. 6, Jalan Industri Mas 3,
Taman Mas Sepang,
47100 Puchong,
Selangor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP:

10/12/2017